

1. Ilmu ekonomi mengkaji bagaimana manusia


- A mengurus sumber yang tidak terhad untuk membeli barangan yang terhad
- B memperuntukkan sumber yang terhad untuk memenuhi kehendak yang terhad
- C menggunakan sumber yang terhad untuk memenuhi kehendak yang tidak terhad
- D melaksanakan sumber yang tidak terhad untuk membeli barangan yang tidak terhad

2. Pilih pernyataan yang betul

	Faktor Pengeluaran	Keterangan
A	Tanah	Sumber yang penawarannya tidak terhad
B	Modal	Alat ciptaan manusia yang membantu kecekapan
C	Buruh	Sentiasa melakukan inovasi dalam aktiviti pengeluaran
D	Usahawan	Individu yang menyumbang tenaga dalam proses pengeluaran

3. Rajah 1 merupakan keluk kemungkinan pengeluaran (KKP) Firma Ridz Enterprise bagi dua jenis barang.

Pakaian (ribu helai)



Rajah 1

Pernyataan manakah yang betul

- A Masalah pilihan berlaku pada titik USM
- B Kos lepas wujud pada titik kombinasi JUK
- C Ketidakecekapan ditunjukkan dalam kombinasi T
- D Masalah ketidakupayaan berlaku pada titik kombinasi S

4. Maklumat di bawah berkaitan dengan masalah asas ekonomi

Golongan kaya mempunyai pilihan yang banyak untuk membeli barang jika dibandingkan dengan golongan miskin

Apakah masalah asas ekonomi yang telah diselesaikan?

- A Untuk siapa dikeluarkan
 - B Apa yang hendak dikeluarkan
 - C Bagaimana hendak dikeluarkan
 - D Berapa yang hendak dikeluarkan
5. Masalah asas ekonomi apa yang hendak dikeluarkan diselesaikan oleh sistem ekonomi sosialis melalui
- A Corak agihan pendapatan masyarakat
 - B Permintaan masyarakatnya yang tinggi
 - C Mengikut keperluan umum masyarakatnya
 - D Keperluan masyarakat yang berlandaskan hukum syariat
6. Jadual 1 menunjukkan permintaan sesuatu barang


Harga (RM)	Kuantiti(Unit)	Titik
1	150	R
2	140	S
3	140	T
4	150	U

Jadual 1

Pergerakan titik manakah yang menepati hukum permintaan?

- A R ke S
- B S ke T
- C T ke U
- D U ke R

7. Rajah 2 menunjukkan keluk permintaan sesuatu barang.



Rajah 2

Apakah yang menyebabkan peralihan keluk D_0D_0 ke D_1D_1

- A Peningkatan harga barang itu
 - B Pendapatan pengguna menurun
 - C Harga barang pengganti menurun
 - D Jangkaan harga akan meningkat pada masa depan
8. Penawaran firma akan menurun apabila
- A Kerajaan memberikan subsidi input pengeluaran
 - B Tingkat teknologi bertambah dalam pengeluaran
 - C Citarasa pengguna terhadap barangan semakin merosot
 - D Harga output dijangkakan meningkat pada masa hadapan


9. Jadual 2 menunjukkan kuantiti permintaan dan kuantiti penawaran satu barang pada pelbagai tingkat harga.

Harga (RM)	Kuantiti Permintaan (Unit)	Kuantiti Penawaran (Unit)
40	150	70
80	110	110
120	80	130
160	60	160

Jadual 2

Apakah yang berlaku terhadap pasaran pada harga RM80?

- A Lebih penawaran
 - B Lebih permintaan
 - C Keseimbangan pasaran
 - D Kekurangan permintaan
10. Rajah 3 menunjukkan keseimbangan pasaran bagi barang M



Rajah 3

Pernyataan manakah menerangkan rajah di atas?

- A Peningkatan teknologi menyebabkan perubahan keluk S_0 ke S_1
- B Keseimbangan baharu dicapai pada tingkat harga yang lebih rendah
- C Peralihan keluk S_0 ke S_1 menyebabkan wujudnya lebih penawaran
- D Peralihan keluk S_0 ke S_1 menyebabkan pengurangan kuantiti keseimbangan

11. Jadual 3 di bawah menunjukkan harga dan kuantiti diminta sesuatu barang di pasaran.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (kg)
8	55
16	30

Jadual 3

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan apabila harga berubah dari RM 8 ke RM 16?

- A 0.83
 - B 0.45
 - C 0.60
 - D 2.20
12. Maklumat di bawah berkaitan dengan nilai keanjalan harga permintaan barang Y

$$Ed = 0.75$$

Maklumat yang manakah betul berkaitan dengan barang tersebut?


- A Barang Y mempunyai pengganti yang banyak
 - B Pengusaha akan menaikkan harga barang Y untuk meningkatkan hasil
 - C Pengguna sangat responsif dengan perubahan harga barang Y
 - D Peningkatan harga sebanyak 0.75% akan menyebabkan permintaan berkurang sebanyak 1%
13. Maklumat berikut berkaitan dengan keanjalan harga permintaan barang T

Keputusan pengusaha menaikkan harga barang T telah menyebabkan jumlah hasilnya bertambah

Pernyataan manakah yang betul berkaitan dengan barang T?

- A Contoh barang T ialah Kereta
- B Keluk permintaan barang T adalah landai
- C Barang T mempunyai pengganti yang sedikit
- D Pekali keanjalan barang T adalah lebih daripada 1

14. Rajah 4 merupakan keluk penawaran sesuatu barang.



Rajah 4

- Pernyataan manakah betul pada rajah di atas?
- A Contoh barang ialah kereta
 - B Keluk penawaran adalah tidak anjal
 - C Perubahan harga melebihi perubahan kuantiti
 - D Faktor pengeluaran barang sukar ditukar ganti
15. Bagaimanakah bank pusat menstabilkan mata wang negara?
- I Mengeluarkan mata wang kertas dan syiling
 - II Campur tangan dalam pertukaran wang asing (FOREX)
 - III Menetapkan sandaran minimum dalam bentuk emas dan rizab antarabangsa
 - IV Membiayai keperluan kerajaan apabila mengalami masalah kekurangan wang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
16. Pekerjaan manakah terdiri dari sektor ketiga?
- A Ejen insuran
 - B Petani moden
 - C Operator kilang
 - D Pelombong emas

17. Pernyataan manakah yang betul berkaitan bayaran pindahan?
- I Tidak memberi sumbangan dalam proses pengeluaran
 - II Diterima oleh individu atas penggunaan tanah milikannya
 - III Faedah yang diterima oleh individu kerana menanggung risiko inflasi
 - IV Puan Milah menerima pemberian anaknya RM1000 setiap bulan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
18. Bagaimanakah seorang individu menggunakan pendapatan boleh gunanya?
- A Membayar cukai pendapatan
 - B Mencarum dalam PERKESO
 - C Membayar Insuran Pendidikan
 - D Membuat caruman dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
19. Maklumat di bawah berkaitan dengan satu kaedah pembayaran
- Puan Rozie membeli set penapis air jenama Soocie secara kredit
- Antara yang berikut, yang manakah merupakan kelebihan kaedah pembayaran tersebut?
- I Menikmati diskaun harga
 - II Meringankan beban kewangan
 - III Menikmati perkhidmatan selepas jualan
 - IV Mendapat harga barangan yang lebih murah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV



20. Kenalpasti maklumat yang betul berkaitan strategi simpanan dalam institusi berikut.

	Institusi	Keterangan
A	Unit Amanah	Melindungi pelbagai risiko dan membayar pulangan berbentuk dividen
B	Bank Simpanan Nasional	Menawarkan akaun semasa, akaun tabungan, dan akaun simpanan tetap
C	Bank Perdagangan	Menawarkan sijil simpanan premium
D	Syarikat Koperasi	Perlu menjadi ahli dan dibayar dividen

21. Jadual 4 menunjukkan keluaran, kos berubah dan jumlah kos bagi sebuah firma.

Keluaran (unit)	Kos berubah (RM)	Jumlah Kos (RM)
0	0	100
1	50	150
2	100	200

Jadual 4

Berapakah kos tetap firma tersebut?

- A RM 50
 - B RM 100
 - C RM 150
 - D RM 200
22. Jadual 5 menunjukkan maklumat kos pengeluaran bagi Firma Zizi.

Butiran	RM
Upah pekerja	6 400
Bil utiliti	3 200
Sewa kedai	2 300

Jadual 5

Berapakah jumlah untung yang diperoleh oleh Firma Zizi apabila menjual 900 pasang kasut dengan harga RM55 sepasang?

- A RM 33 500
- B RM 37 600
- C RM 39 900
- D RM 40 800

23. Antara berikut, faktor yang manakah meningkatkan produktiviti sebuah organisasi.

- I Persekitaran kerja yang terbatas
- II Proses membuat keputusan terbatas
- III Pekerja yang mahir dan berkebolehan
- IV Prosedur kerja yang ringkas dan fleksibel
- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

24. Tindakan manakah yang dapat mengawal inflasi?

	Alat Dasar Ekonomi	Tindakan
A	Dasar Fiskal Mengembang	Menurunkan kadar cukai
B	Dasar Fiskal Menguncup	Meningkatkan kadar cukai
C	Dasar Kewangan Mengembang	Menurunkan nisbah rizab berkanun
D	Dasar Kewangan Menguncup	Melonggarkan syarat sewa beli

25. Situasi manakah yang menyebabkan pengangguran kitaran?

- A Berlaku akibat kelembapan ekonomi
- B Kurang maklumat tentang pasaran pekerjaan
- C Meletakkan jawatan untuk mencari pekerjaan lain
- D Pekerja yang menghadapi kekurangan kemahiran khusus

26. Maklumat berikut berkaitan dengan perdagangan antarabangsa.

Puan Asma bercuti ke Bali Indonesia dan membeli koleksi cenderamata untuk keluarganya di Malaysia

Apakah komposisi perdagangan berdasarkan maklumat di atas?

- I Import barang Nampak
 - II Eksport barang Nampak
 - III Import barang tak Nampak
 - IV Eksport barang tak Nampak
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

27. Pernyataan yang manakah **betul** tentang perbelanjaan mengurus kerajaan?

- A Peningkatan Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) kepada golongan sasaran
- B Penjajaran semula Projek Laluan Rel pantai Timur (ECRL) ke laluan asal.
- C Cadangan pembinaan hospital baharu di daerah Kubang Pasu.
- D Kelulusan pembesaran lapangan terbang Sultan Ismail Petra.

28. Apakah kesan belanjawan defisit terhadap ekonomi negara?

- A Kuasa beli pengguna dan permintaan terhadap barang dan perkhidmatan dalam pasaran akan menurun
- B Memperlahankan pertumbuhan ekonomi dalam negara dan menyebabkan tingkat harga umum menurun
- C Mencipta peluang pekerjaan kepada masyarakat dan menambahkan pendapatan individu
- D Inflasi dapat dikawal dan kos sara hidup masyarakat telah menurun

29. Situasi berikut berkaitan dengan satu keadaan ekonomi.

"Pada tahun 2020 sehingga Julai 2021, sebanyak 5,095 majikan memberhentikan seramai 141,191 pekerja di Semenanjung Malaysia".

Sumber: Malaysiakini.com, 23 September 2022

Apakah alat dasar kewangan yang boleh digunakan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah di atas?

- A Menaikkan kadar faedah
 - B Mengetatkan syarat sewa beli
 - C Menjual surat jaminan kerajaan
 - D Menurunkan nisbah rizab tunai
30. Maklumat berikut berkaitan dengan objektif kerajaan.

"Kerajaan perlu memastikan kadar inflasi yang rendah dalam negara"

Apakah objektif makroekonomi tersebut?

- A Kestabilan harga
 - B Guna tenaga penuh
 - C Pertumbuhan ekonomi
 - D Kestabilan imbalan pembayaran
31. Bagaimanakah kerajaan menggalakkan globalisasi?
- A Pengecualian visa untuk pelancong negara tertentu
 - B Pelupusan duti import untuk semua barang import
 - C Pekerja asing di Malaysia diberi pengecualian levi
 - D Duti setem untuk rakyat asing yang membeli hartanah di Malaysia dihapuskan

32. Pasangan manakah yang betul tentang kesan pelaburan langsung asing kepada negara?

	Kesan	Keterangan
A	Negatif	Jumlah kemasukan modal asing ke dalam negara bertambah.
B	Positif	Aliran untung ke luar negara bertambah.
C	Positif	Meningkatkan kemahiran modal insan.
D	Negatif	Daya saing firma asing meningkat.

33. Apakah kepentingan perdagangan antarabangsa?
- I Pelaburan asing meningkat
 - II Kadar pengangguran berkurang
 - III Mengekalkan sumber semulajadi
 - IV Memelihara keistimewaan budaya masyarakat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
34. Akaun semasa cenderung menjadi defisit disebabkan oleh pertambahan
- A barang import dari luar negara
 - B subsidi eksport kepada pengeksport tempatan
 - C bilangan guna tenaga dan produktiviti buruh tempatan
 - D infrastruktur dan galakan kepada pelancong luar negara

Soalan 35 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

35. I Hukum penawaran menyatakan apabila harga meningkat, kuantiti ditawarkan akan menurun.
- II Hukum permintaan menyatakan apabila harga menurun, kuantiti diminta akan Meningkat.
36. I Pelancong dari Australia telah melawat negeri Melaka menyebabkan berlakunya penawaran ke atas Ringgit Malaysia.
- II Permintaan Ringgit Malaysia bertambah apabila Encik Ahmad menghantar anaknya melanjutkan pelajaran di New Zealand.

37. I Kemudahan menggunakan cek di beri kepada pemegang akaun simpanan.
II Draf Bank digunakan sebagai pembayaran dalam urus niaga atas arahan daripada pihak bank.
38. I Tarif ad valorem ialah cukai import yang dihitung berdasarkan jumlah nilai barang import.
II Contoh tarif ad valorem ialah sebanyak 20% dikenakan ke atas jumlah nilai tayar import.
39. I Sekatan perdagangan antarabangsa akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada buruh tempatan.
II Sekatan perdagangan antarabangsa akan membantu memperbaiki imbalan pembayaran negara.
40. I Imbalan dagangan berkaitan dengan beza antara nilai eksport barang nampak dengan nilai import barang nampak.
II Kenaikan nilai Ringgit Malaysia berbanding mata wang asing boleh menyebabkan imbalan dagangan menjadi semakin positif.